

Tiada cukai kemewahan untuk orang kaya

SH 15/11

KUALA LUMPUR- Kerajaan tidak berca-
dang mengenakan
cukai kemewahan
terhadap golongan
kaya di negara ini
bagi mengelak
kejutan terhadap pa-
saran modal dan ke-
wangan, kata Mente-
ri Kewangan, Lim
Guan Eng.



GUAN ENG

Katanya, keraja-
an kini dalam proses
memulihkan kedudukan fiskal
defisit yang dihadapi negara dan
sebarang dan pengenalan cukai
sedemikian seperti cukai keuntu-
ngan modal dikhuatiri akan men-
jejaskan usaha tersebut.

Mengulas lanjut, beliau berka-
ta kerajaan telah menubuhkan Ja-
watankuasa Reformasi Cukai un-
tuk mengkaji cukai-cukai yang

kan kewangan.

"Oleh itu, jika
langkah itu dijalan-
kan dalam keadaan
fiskal yang agak men-
cabar ini, ia juga akan
merupakan satu
kejutan kepada pasa-
ran modal dan ke-
wangan," kata Guan
Eng menjawab soa-
lan tambahan Has-
san Abdul Karim
(PH-Pasir Gudang)

dan Datuk Seri Ronald Kiandee
(BN-Beluran) pada persidangan
Dewan Rakyat semalam.

Hassan dan Kiandee berta-
nya kepada Guan Eng kenapa
kerajaan tidak mahu mengenakan
cukai kemewahan kepada golon-
gan kaya sebagai satu langkah
untuk meningkatkan pendapatan
kerajaan.

akan dilaksanakan dalam Belanja 2019.

Bagaimanapun, katanya, cukai kemewahan tidak diketengahkan setelah ia mendapat maklum balas daripada beberapa pihak termasuk Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Kementerian Kewangan.

"Ini berikutan kebimbangan pulangan yang diterima oleh kerajaan tidak akan seimbang dengan kesan impak negatif terhadap pasaran modal dan juga kedudu-

Guan Eng berkata cukai sedemikian juga tidak dikenakan oleh negara-negara jiran.

"Saya fikir apa yang kita patut buat sekarang ialah kita jangan terlalu ghairah sehingga kita kejutkan sistem secara keseluruhan," katanya.

Katanya, kerajaan juga telah menyasarkan tempoh tiga tahun untuk memulihkan kedudukan fiskal dan kewangan negara, sekali gus meletakkan semula Malaysia ke landasan yang betul. - Bernama